


Pendidikan tingkat kesedaran kepimpinan generasi muda

Kuala Lumpur: Masyarakat, terutama generasi muda perlu diberikan pendidikan formal dan pendidikan umum bagi meningkatkan kesedaran berhubung tanggungjawab mereka sebagai khalifah di bumi.

Profesor Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zaid Ahmad, berkata pendidikan yang meliputi dua aspek itu mampu menjadi perisai supaya manusia tidak leka menjalankan tanggungjawab mereka seperti dituntut agama.

Katanya, pendidikan formal berhubung tanggungjawab sebagai khalifah di bumi boleh dipupuk dari peringkat sekolah mela-



Prof Dr Zaid Ahmad

lui penerapan kurikulum dan kokurikulum.

“Pendidikan bentuk ini harus meliputi nilai perlu dipegang individu, bagaimana boleh melaksanakan tanggungjawab dan kesan baik tindakan dilakukan, manakala pendidikan umum merangkumi laporan berita, kempen dan perkongsian maklumat yang harus dimainkan semua pihak, terutama media massa.

“Dengan kedua-dua bentuk pendidikan ini, negara dapat melahirkan

masyarakat yang bijak memainkan peranan masing-masing, berfikiran positif dan menunjukkan tindakan betul apabila tercetus situasi buruk,” katanya.

Tonjol kemampuan

Prof Zaid berkata, sebagai khalifah, individu harus sedar bahawa agama sentiasa menggalakkan mereka menonjolkan kemampuan diri dan melakukan apa-apa sahaja, asalkan memberi manfaat serta tidak membawa kebinasaan.

“Sebagai contoh, seorang wartawan perlu menggunakan bakat menulis, peluang menemu bual dan ruang akhbar untuk berkongsi catatan berhubung kebaikan, sekali gus memberi kesedaran, manfaat serta didikan kepada pembaca,” katanya.

Ditanya punca segelintir individu gagal melaksanakan peranan sebagai khalifah secara berkesan, Prof Zaid berkata, masalah gaya hidup menyebabkan mereka jauh daripada tanggungjawab itu.

Beliau berkata, keadaan emosi negatif, pengaruh budaya luar dan stigma yang tidak berlandaskan al-Quran mendorong individu terpesong daripada amalan kehidupan dituntut agama.

“Bagi memastikan peranan sebagai khalifah boleh dilaksanakan sebaik mungkin, individu perlu berbakti dan melakukan kebaikan mengikut urutan keutamaan tanggungjawab yang didahului dengan keluarga, diikuti masyarakat dan persekitaran,” katanya.